

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.04.2014

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perolehan (*revenue*), jumlah perbelanjaan dan untung/rugi tahunan yang telah dicatatkan oleh 1MDB bagi setiap tahun sejak ditubuhkan sehingga sekarang dan apakah aktiviti-aktiviti yang telah menyumbang kepada perolehan itu (diperincikan mengikut tahun).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendapatan, 1MDB bagi setiap tahun sejak ditubuhkan adalah sebanyak RM719,563,000 (2010), RM938,424,000 (2011) dan

RM893,364,000 (2012). Namun begitu, perincian bagi perolehan (revenue), jumlah perbelanjaan dan untung/rugi syarikat boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014."